

TERMA DAN SYARAT
PERTANDINGAN PTPTN E SPORTS CHALLENGE (PUBG MOBILE)

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu program promosi dalam usaha untuk menjadikan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Pertandingan PTPTN E Sports Challenge (PUBG Mobile) ini adalah penganjuran kali kedua diadakan melibatkan pertandingan *e-sport* selepas kejayaan Pertandingan E Sport Mobile Legend: Bang Bang Simpan SSPN 2022 pada penganjuran BMS 2022 yang lalu. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memeriahkan lagi sambutan Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 sekali gus dapat memupuk bakat dan kemahiran sukan elektronik dalam pasukan.
3. Pertandingan PTPTN E Sports Challenge (PUBG Mobile) ini terbuka kepada warganegara Malaysia dan semua peringkat umur yang mempunyai akaun PUBG Mobile yang sah.

TARIKH PERTANDINGAN

4. Pendaftaran peserta bermula daripada **30 Ogos 2023 hingga jam 11.59 malam 21 September 2023.**
5. Butiran pertandingan adalah seperti berikut:

Sesi Pertandingan	Lokasi Perlawanan	Tarikh	Masa
Saringan Atas Talian (Termasuk suku dan separuh akhir)	Atas Talian	23 September 2023	9.00 pagi – 6.00 petang
Perlawanan Akhir	LG2, Blue Concourse, Sunway Pyramid Mall	30 September 2023	1.00 petang – 3.30 petang

6. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN PENYERTAAN

7. Terdiri daripada **Warganegara Malaysia** sahaja dan semua peringkat umur yang mempunyai akaun PUBG Mobile yang sah.
8. Pertandingan ini **LAYAK** disertai oleh semua pelanggan PTPTN **TERMASUK** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
9. Bilangan peserta bagi setiap pasukan adalah seramai empat (4) orang.
10. Ketua Pasukan perlu **membuka akaun Simpan SSPN dengan simpanan minimum RM50.00 atau membuat penambahan simpanan minimum RM50.00 ke dalam akaun Simpan SSPN sedia ada** bagi mendapatkan (1) penyertaan di dalam tempoh pendaftaran.
11. Ketua Pasukan perlu mengisi borang pendaftaran melalui pautan <https://bit.ly/borang-pendaftaran-ptptn-ct-2023>.
12. Kesemua peserta perlu menggunakan akaun dalam talian mereka sendiri dan ID pemain sendiri. Tiada akaun disediakan oleh Penganjur Kejohanan.

KONSEP PERTANDINGAN

13. Kesemua pasukan hendaklah merujuk dan memahami konsep pertandingan yang terkandung di dalam **Buku Peraturan Pertandingan Rasmi** seperti di **Lampiran**.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

PEMENANG	HADIAH
Pertama	Tunai bernilai RM4,000 x 1 pasukan
Kedua	Tunai bernilai RM3,000 x 1 pasukan
Ketiga	Tunai bernilai RM2,000 x 1 pasukan
Keempat	Tunai bernilai RM1,000 x 1 pasukan
Kelima	Tunai bernilai RM800 x 1 pasukan
Saguhati	Tunai bernilai RM200 x 11 pasukan

14. e-Sijil penyertaan akan diberikan kepada setiap peserta yang menyertai pertandingan.
15. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.

16. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
17. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

18. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
19. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
20. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
21. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
22. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
23. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
24. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.

Pertandingan PTPTN E Sports Challenge (PUBG Mobile)

25. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
26. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Pertandingan PTPTN E Sports Challenge (PUBG Mobile)*

Maklumat dikemaskini pada 13 September 2023